

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
FAKULTI PENDIDIKAN

SUMBER- SUMBER PENDIDIKAN ISLAM (GC 6423)

**TAJUK : KONSEP PENDIDIKAN DALAM
SURAH AL MUKMINUUN**

NAMA PENSYARAH : DR AB. HALIM TAMURI

NAMA PELAJAR : AHMAD SHIDKI YUSOFF (P39107)

TARIKH : 13 APRIL 2007

KONSEP PENDIDIKAN DALAM SURAH AL MUKMINUUN

ISI KANDUNGAN	Muka Surat
Pendahuluan	
1.1 Pengenalan	2
1.2 Sifat Orang Mukmin	3
1.3 Hubungan Surah al Mukminun dengan surah An Nuur	4
1.4 Hubungan Akhlak dengan Keimanan	
1.5 Hubungan Akhlak Rasullulah dengan Konsep Dakwah	6
1.6 Peranan Ibadat Solat dalam Pembinaan Iman dan Akhlak	7
1.6.1 Mencegah Kemungkaran	
1.6.2 Melahirkan Mukmin yang cintakan sembahyang	
1.6.3 Sembahyang menghapuskan dosa	
1.6.4 Membentuk kehidupan sosial	
1.6 Kerangka Konsep	10
1.7 Kesimpulan	11

Pendahuluan

1.1 Pengenalan

Kecemerlangan ilmu umat Islam dan pendidikan pada zaman pemerintahan Islam telah mengangkat martabat umat Islam. Kegemilangan ini berlaku kerana mereka ini terdiri dari intelektual Islam yang berjaya menguasai pelbagai disiplin ilmu. Penekanan Islam kepada pendidikan secara bersepadu berjaya mencetus kecemerlangan peradaban dan membangunkan modal insan yang dinamik dan benar-benar mantap dari segi ilmu, iman, akhlak dan amal. Menurut Asmawati Suhid, (2006) Pendidikan tidak dapat dipisahkan daripada nilai-nilai akhlak dan moral. Akhlak itu ialah akhlak Rasullullah sebagaimana di dalam firman Allah yang bermaksud *"Dan sesungguhnya engkau memiliki akhlak yang sungguh agung". (al-Qalam, 68: 4) "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasullullah itu contoh ikutan yang baik". (al-Ahzaab; 21)*

Menerusi perbincangan ini, kita akan melihat konsep pendidikan yang terdapat di dalam surah al Mukminuun. Surat Al Mu'minuun terdiri atas 118 ayat. Ia termasuk di dalam golongan surah-surah Makkiah. Dinamai "Al Mu'minuun", kerana permulaan surat ini menerangkan bagaimana seharusnya sifat-sifat orang mu'min yang menyebabkan keberuntungan mereka di akhirat dan ketenteraman jiwa mereka di dunia. Menurut Muhammad Ali Ash-Shabuny, Kathur Suhardi, (2001) Allah menyebutkan tujuh sifat orang-orang mukmin yang bijak, yang dengan sifat-sifat itu mereka berhak mempusakai syurga Firdaus yang paling tinggi, hidup kekal abadi di sana.

"Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman (1), Iaitu orang-orang yang khusyu' dalam Solatnya (2) dan orang-orang yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia (3), dan orang-orang yang menunaikan zakat (4), dan orang-orang yang menjaga kemaluannya (5), kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba yang mereka miliki, maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tidak tercela (6). Sesiapa yang mencari di sebalik itu, maka mereka itulah orang-orang yang melampaui batas. (7) Dan orang-orang yang memelihara amanah dan janjinya (8), dan orang-orang yang memelihara solatnya (9) Mereka itulah orang-orang yang akan mewarisi (10) iaitu yang mewarisi syurga Firdaus. Mereka kekal di dalamnya" (11)

(Surah al Mukminuun 23:1-11)

Demikian tingginya sifat-sifat itu, hingga ia telah menjadi akhlak bagi Nabi Muhammad s.a.w. Menurut Iman Nasa'i dalam Tafsir Ibnu Katsir, (1989) meriwayatkan dari Yazid bin Babanus, dia berkata yang bermaksud, "Kami bertanya kepada Aisyah Ummul Mukminin, "Bagaimana akhlak Rasullulah s.a.w ? Beliau menjawab, "Akhlak beliau adalah al Quran. Kemudian Aisyah membaca ayat, " Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman.....dan orang-orang yang memelihara solat-solatnya. "Aisyah berkata, " Seperti dikemukakan ayat itulah akhlak Rasullulah s..a.w

Surat Al Mu'minuun dimulai dengan sifat-sifat yang dimiliki oleh seorang mu'min yang berbahagia hidup di dunia dan di akhirat, sekalipun Allah tidak membeza-bezakan pemberian rezeki di dunia ini kepada manusia, adakah ia seorang mu'min atau kafir, tetapi kebahagiaan yang sebenarnya hanya diberikan kepada orang-orang yang mu'min di akhirat kelak.

1.2 Sifat Orang Mukmin (Sayyid Qutb, Yusoff Zaki, 2000)

Nilai sifat-sifat ini menggambarkan syaksiah seseorang muslim pada parasnya yang paling tinggi, iaitu paras Nabi Muhammad s.a.w selaku Rasullulah dan sebaik-baik makhluk Allah yang telah diasuh Allah dengan sebaik-baik asuhan dan disaksikan keagungan akhlaknya oleh kitab Allah sendiri. "Sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung" (Surah al Qalam, 68:4)

Dalam ayat (al mukminuun 23:9) Sayyid Qutb mentafsirkan dengan "Mereka mendirikan solat mengikut peraturan yang semestinya tanpa menguranginya. Mereka menunaikan tepat dalam waktu-waktunya dengan sempurna sama ada sembahyang-sembahyang fardu atau sunat. Mereka menyempurnakan segala rukun-rukun dan peradapannya mereka sembahyang dengan sembahyang yang hidup, dimana menumpukan seluruh hati dan perasaannya.

Itulah sifat-sifat, tujuh sifat orang mukmin yang berhak mempusakai Syurga Firdaus (Sayyid Qutb, Yusoff Zaki, 2000) yang menentukan syaksiah para mukminin yang ditetapkan keberuntungan untuk mereka. Dan itulah sifat yang mempunyai kesan pemutus dalam menentukan ciri-ciri masyarakat mukminin dan bentuk hidup yang dinikmatinya. Allah mengkehendaki supaya para mukminin yang menjalani jalan hidayat itu sampai kepada matlamat yang telah ditetapkan Allah untuk mereka. Itu sampai ke syurga firdaus, negeri kekal abadi. Negeri aman damai tanpa dilanda ketakutan dan negeri tetap mantap dari dilanda kebinasaan.(ibid)

1.3 Hubungan Surah al Mukminun dengan surah An Nuur

Pada bahagian permulaan surat Al Mu'minuun disebutkan bahawa salah satu tanda orang-orang mu'min itu ialah orang yang **menjaga kemaluannya** sedang permulaan surat An Nuur menetapkan **hukum** bagi orang-orang yang tidak dapat menjaga kemaluannya yaitu pezina wanita, pezina laki-laki dan apa yang berhubungan dengannya, seperti menuduh orang berbuat zina, *qishshatul ifki*, keharusan menutup mata terhadap hal-hal yang ada hubungannya dengan perbuatan zina, menyuruh agar orang-orang yang tidak sanggup melakukan pernikahan menahan diri dan sebagainya.

Pada surat Al Mu'minuun Allah menegaskan bahwa Dia menciptakan alam ini ada hikmahnya, yaitu agar semua makhluk yang diciptakan-Nya itu melaksanakan perintah-perintah dan menghentikan larangan-larangan-Nya sedang surat An Nuur menyebutkan sejumlah perintah-perintah dan larangan-larangan itu

1.4 Hubungan Akhlak dengan Keimanan

Ibnu Miskawayh (1030M) dan al Ghazali (1111M). Akhlak adalah "Suatu keadaan yang melekat pada jiwa manusia, yang darinya lahir perbuatan-perbuatan dengan mudah, tanpa melalui proses pemikiran dan pertimbangan".

Menurut Miskawayh lagi keadan jiwa ini terbahagi kepada dua jenis. Pertama, sifat-sifat yang telah ada semenjak kejadian manusia, seperti lekas marah, mudah ketawa.

Kedua, sifat yang diperoleh dengan pembiasaan dan latihan yang diamal secara berterusan sehingga menjadi sifat dan tabiat.

Akhlak dalam Islam mempunyai hubungan yang erat dengan keimanan dan takwa kepada Allah s.w.t

"Maka sempurnakanlah janji itu, sehingga sampai waktunya. Sesungguhnya Allah sayang kepada orang – orang yang takut" (surah al Taubah : 4)

Menunaikan janji adalah termasuk ketakwaan dan keimanan kepada Allah. Menurut Abdul Karem Zaidan (1997) Akhlak yang mulia merupakan buah keimanan dan puncak akhlak itu amanah dan menepati janji. Siapa yang telah hilang amanah dan tidak menepati janji, yang demikian itu merupakan suatu tanda merosotnya iman dan jauh dirinya dari ketakwaan kepada Allah.

Akhlak itu tidak memberi apa- apa jika tidak diikat dengan aqidah atau iman. Kepentingan aqidah dalam Islam dapat dilihat menerusi nas- nas dari al Quran dan al Hadith. *"Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya"*(Iman Ahmad, Juz 3, no.7406) *" Tidak sempurna iman seseorang itu sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri"* (Sahih Bukhari, Jilid 1, Bil 10).

Menurut Asmawati suhid, (2005) penerapan nilai akhlak bermula daripada intipati tauhid kepada Allah s.w.t demi melahirkan insan soleh dan berakhlak. Beliau membuat kesimpulan bahawa pengajaran nilai akhlak yang berkesan akan berlaku apabila dikaitkan dengan kepercayaan kepada Tuhan. Begitu juga Kamal Hassan (1987) kuat dan lemah iman seseorang dapat diukur dan diketahui daripada perilaku akhlaknya. Iman yang kuat akan mewujudkan akhlak yang baik dan mulia, sedangkan iman yang lemah melahirkan akhlak yang buruk dan keji.

Pendidikan akhlak yang berteraskan aqidah dan nilai agama adalah lebih sempurna dan menjamin melahirkan insan yang berkualiti sesuai dengan tujuan penciptaan manusia iaitu sebagai hamba dan khalifah di muka bumi. (Asmawati Suhid , 2006).

1.5 Hubungan Akhlak Rasullulah dengan Konsep Dakwah

Pengakuan Siti Aisyah r.a terhadap akhlak Rasullulah melalui surah al Mukminun (23: 1-9) telah membuktikan nur hidayah risalah itu difahami sebenar- benarnya sehingga dijelmakan watak itu jelmaan al Quran. Hasil penghayatan terhadap al Quran secara bersepadu; menyeluruh, tanpa memetakkan kepada beberapa bahagian tertentu.

Tugas atau peranan seorang Rasul itu ialah memimpin sekalian makhluk di atas muka bumi ini untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t *”Tidak Aku jadikan jin dan manusia itu kecuali untuk menyembahKu”* (surah az-Zaariyat, ayat 56) dan dalam situasi yang sama menjauhi kejahatan taghut menerusi qudwah atau tauladan. Perjuangan atau dakwah ini adalah misi yang mustahil dicapai tanpa akhlak yang telah ditunjukkan oleh Rasullulah s.a.w.

Inilah kekuatan dakwah Rasullulah dan para Anbia a.s yang terdahulu yang membuatkan ramai manusia terpegun, teruja dan kagum dengan nur akhlak yang memukau hati- hati manusia membawa kepada keimanan kepada Allah s.w.t

Dakwah dan Akhlak mestilah berlaku seiringan. Akhlak orang yang menjalankan tugas dakwah itu harus sama dengan akhlak Islam seperti yang diterangkan di dalam surah Mukminun (23:1-9).

1.4 Peranan Ibadat Solat dalam Pembinaan Iman dan Akhlak

Solat merupakan perhubungan di antara hati manusia dengan Allah. Orang yang tidak memelihara perhubungan ini tidak dapat diharap akan memelihara perhubungan di antaranya dengan manusia dengan pemeliharaan yang sempurna yang terbit dari hari nurani yang ikhlas.

Sifat-sifat para mukminin itu dimulakan dgn solat kemudian ditamatkan pula dengan solat untuk menunjukkan betapa tinggi kedudukan solat dalam pembinaan iman. Kerana solat merupakan satu bentuk ibadat dan tawajjuh kepada Allah yang paling sempurna. (Sayyid Qutb, Yusoff Zaki, 2000)

Menurut Abul A'la Maududi, Ahmad Baidowi (1999). Solat melahirkan dan menjaga di dalam hati kita rasa takut akan Tuhan dan yakin bahawa kita sentiasa berada dalam pengawasan-Nya.

1.4.1 Mencegah Kemungkaran

Solat adalah sangat memberi kesan dalam membentuk keharmonian akhlak kerana ia menegah dari melakukan fahsyah dan mungkar *”Sesungguhnya Solat itu mencegah dari (perbuatan- perbuatan) fahsyah dan mungkar”* (Al Ankabut 29 :45)

Fahsyah bermaksud suatu yang tersangat keji sama ada dari perkataan atau perbuatan (Al-Raghib al-Asifahni, *al- Mufradat*, al-Qahirah, 1381H, h: 373-374) dan mungkar pula ialah sesuatu yang diingkari oleh syara'.

Menurut Ibnu Kathir, sesungguhnya sembahyang itu mempunyai tiga perkara; setiap sembahyang yang tidak mempunyai salah satu dari perkara – perkara ini maka itu bukan sembahyang. Iaitu ikhlas, khashyah dan zikrullah. Ikhlas menyuruhnya mengerjakan ma'ruf dan khashyah menegahinya dari melakukan kemungkaran, manakala zikrullah pula terdapat kedua-duanya sekali (Ibnu Kathir, Jld 6, hlm: 291)

Dalam surah Hud, ayat 11:87 yang bermaksud :

”Mereka berkata: Wahai Shuib adakah sembahyang engkau yang menyuruh engkau supaya kami tinggalkan apa yang disembah oleh bapa- bapa kami”

Ayat ini menerangkan kaum Nabi Shuib telah mengetahui mengapa Nabi Shuib tidak menyembah apa yang disembah oleh bapa dan datuk- datuknya yang dahulu ialah kerana Nabi Shuib bersembahyang. Sesungguhnya orang yang sembhyang itu tidak menyembah melainkan Allah s.w.t sahaja (Udah Mohsin, 1987)

1.4.2 Melahirkan Mukmin yang cintakan sembahyang

Firman Allah yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang- orang munafik, mereka menipu Allah sedangkan pada hakikatnya Allah yang menipu mereka, apabila mereka mendirikan sembahyang, mereka lakukan dengan malas, mereka menunjuk- nunjuk kepada manusia dan mereka tidak mnyebut Allah kecuali sedikit sahaja". (Surah al- Nisa', 4 :142)

Di dalam ayat di atas Allah menerangkan sebahagian dari sifat- sifat orang munafik iaitu apabila mendirikan sembahyang mereka lakukan sembahyang itu dengan malas, dan mereka juga tidak melakukan sembahyang kecuali untuk menunjuk- nunjuk (riya'), ini ialah kerana mereka tidak beriman dengan kewajipan sembahyang dan tidak bertaqwa. (Udah Mohsin, 1987)

Iman Muslim ada meriwayatkan dengan sanadnya dari Anas r.a yang bermaksud: *"Itu adalah sembahyang orang munafik iaitu yang duduk menunggu matahari jatuh hingga apabila matahari itu berada di antar dua tanduk syaitan, maka diapun mematuk empat kali, ia tidak menyebut Allah kecuali hanya sedikit sahaja". (Shahih Muslim, Bi syarhi Iman Nawawi, 1411. Jld 5/6, ms 125)*

Dari nas- nas di atas menunjukkan bahawa sembahyang yang sebenar yang diterima oleh Allah s.w.t mestilah dalam suci zahir dan batin. Maka dengan itu sembahyang akan dapat membentuk akhlak yang mulia dan menjauhkan akhlak yang keji bagi mereka yang mendirikannya.

1.4.3 Sembahyang menghapuskan dosa

Solat yang lima waktu itu dapat diumpamakan seperti sungai yang mengalir dihadapan rumahmu, kemudian engkau membersihkan badanmu ke dalam sungai tersebut dalam sehari sebanyak 5 kali. Kemudian Rasullulah bertanya: “ bagaimana menurut pendapatmu, apakah orang tersebut masih mempunyai daki yang melekat ditubuhnya? Maka kemudian Rasullulah meneruskan “ Sesungguhnya solat itu membersihkan dosa-dosamu seperti air sungai yang membersihkan daki-dakimu.

Apa pendapatmu kamu apabila terdapat sebatang sungai di pintu rumah seorang dari kamu, ia mandi di sungai itu setiap hari lima kali. “ bagaimana menurut pendapatmu, apakah orang tersebut masih mempunyai daki yang melekat ditubuhnya? Para sahabat menjawab tidak tinggal lagi kekotoran badannya walau sedikitpun. Kata Rasullulah s.a.w : Itu adalah seperti sembahyang fardu lima waktu, Allah hapuskan lantaran sembahyang itu akan kesalahan- kesalahan”.(Shahih al Bukhari, Jld.2 hlm 11)


Hadis yang menunjukkan sembahyang itu menghapuskan dosa ialah, sebagaimana yang diriwayatkan Iman Muslim yang bermaksud:

“Sembahyang fardu lima waktu, dan Jumaat hingga ke Jumaat menghapuskan dosa-dosa yang berlaku di antaranya.(Sahih Muslim, Jld 1, hlm: 209)

1.5.4 Membentuk kehidupan sosial

Peranan solat juga penting dalam membentuk kehidupan sosial (*social life*) seorang individu muslim dengan mengerjakannya secara berjemaah. Jika seseorang itu meminggirkan dirinya dari tuntutan ini, maka terputuslah hubungan dengan anggota masyarakat yang beragama. Ini akan mengakibatkan kehancuran dalam struktur sosial masyarakat. Rasullulah s.a.w telah mengumpamakan masyarakat seperti satu bangunan. ”Sikap seorang mukmin terhadap mukmin yang lain bagaikan sebuah bangunan yang saling mengikat antara satu sama lain”.

1.6 Kerangka Konseptual



1.7 Kesimpulan

Konsep Pendidikan Akhlak Islam adalah bersifat menyeluruh. Ia meluruskan hubungan antara manusia dengan manusia yang lain, hubungan manusia dengan Tuhannya, iaitu Allah s.w.t , hubungan dengan alam sekeliling dan hubungan dengan dirinya sendiri. Akhlak Islam menjiwai tauhid dan pelaksanaan ubudiyah terhadap Tuhan menurut undang- undang Islam dari segi sistem ganjaran dan hukumannya. Ia juga merupakan disiplin ilmu yang khusus dan terperinci mengatasi gagasan akhlak dalam agama lain. (Ahmad Mohd Salleh, 2002)

Daripada perbincangan ini, jelas menunjukkan bahawa pendidikan tidak boleh dipisahkan daripada nilai akhlak. Di dalam Islam, agama itu adalah akhlak, sebagaimana hadith Rasullullah s.a.w yang bermaksud :” Agama itu adalah nasihat” (Sahih Muslim, Jld 1, Bil 43). Justeru itu (Asmawati Suhid, 2006) menyatakan pendidikan akhlak merupakan komponen penting dan tidak boleh dipisahkan daripada kurikulum Pendidikan Islam secara khususnya dan pengajaran Islam umumnya.

Islam merupakan suatu ajaran yang baik dan benar- benar untuk membaiki manusia dan membentuk akhlaknya. Islam memperbaiki manusia dengan lebih dahulu membaiki jiwanya, membersihkan serta menanamkan sifat- sifat terpuji. Kerana itu Islam betul – betul dapat membawa manusia ke arah kebahagiaan Kelapangan dan ketenteraman (Abdul Karem Zaidan 1997)

RUJUKAN

Muhammad Ali Ash- Shabuny, Kathur Suhardi, (2001), *Qabas Min Nur Quranul Karim*, Pustaka al-Kauthar, Jakarta.

Asy Syahid Sayyid Qutb,(2000) *Tafsir Fii Zilalil Quran*, Juzuk 18, Jld. 11, Pustaka Aman Press. Kota Bharu

Asmawati Suhid, 2005. *Pemantapan Komponen Akhlak Dalam Pendidikan Islam bagi Menangani Era Globalisasi*. Jurnal Kemanusiaan, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, -Universiti Teknologi Malaysia, 6:95-103.

Asmawati Suhid, 2006. *Pengajaran Adab Akhlak Islamiah dalam membangunkan Modal Insan*, Prosiding Wacana Pendidikan Islam 2006, Fakulti Pendidikan, UKM, hlm 29-35.

Abul A'la Maududi, Ahmad Baidowi (1999) *Lets Us Be Muslims*, Mitra Pustaka, Yogyakarta

Tafsiru al- Aliyyul Qadir li Ikhtishari Tafsir Ibnu Katsir, (1989)

Ibnu Miskawayh (w.1030M) dan al Ghazali (w.1111M) dalam *Pemikiran Akhlak Syekh Abdurrahman Shiddiq al Banjari*, (2003) LPNU press. Riau.

Shahih Muslim, Kitab *al- masjid*, bab *'istihbab al- takbir bi al-'asr*, bi syarhi Iman Nawawi, 1411. Jld 5/6, ms: 125

Dr Udah Mohsin, 1987, *Kesan Ibadah Dalam Pembentukan Akhlaq Seorang Muslim*, Penerbitan Hizbi, Selangor

Al Bukhari, Shahih al Bukhari, *Kitab mawaqit al Salah*, bab *al Salah al-Kham Kaffarah*, di dalam *al Fath*, Jld.2 hlm 11

Muslim, Sahih Muslim, *Kitab al Taharah*, bab *al- Solah al Khams wa al Jum'ah ila al al jum'ah Mukafifirat lima bainahuma wa ijtinaba al Kaba'ir*, Jld 1, hlm: 209)

Ahmad Mohd Salleh, 2002, *Pendidikan Islam Dinamika Guru*, Karisma Publication, Selangor.

Dr Abdul Karem Zaidan, 1997, *Dasar- dasar Ilmu Dakwah*, Dewan Pustaka Fajar

